




LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG

**NOTIS SEBUTHARGA NO. : PERDA/PT/S/8/2025
(Tawaran Khas Untuk Bumiputera)**

1. Tawaran (Sebutharga) adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan masih lagi dibenarkan membuat tawaran sebutharga buat masa ini, bagi kerja berikut :

MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGUJILARI PERKAKASAN ICT BAGI KEGUNAAN PEMBELAJARAN JABATAN AUTOMOTIF DAN JABATAN FESYEN PERDA-TECH, BUKIT PANCHOR, NIBONG TEBAL, PULAU PINANG.			
Kelayakan	Kepala : 21 (Information Communication Technology) 01 (Peralatan dan Kelengkapan Komputer, Perkakasan dan Komponen) Pecahan Kepala : 210101 - Hardware (Low End Technology); ATAU 210103 - Software.		
Pendaftaran Sebutharga (secara atas talian)		4 Mac 2025 hingga 12 Mac 2025	
Pautan Pendaftaran Sebutharga (Google Form)			
Tarikh Edaran Dokumen (melalui emel)	5 Mac 2025 hingga 12 Mac 2025	Tarikh & Masa Tutup Sebutharga	19 Mac 2025 (Rabu) 12.00 tengahari

2. Sesi pendaftaran melalui secara atas talian (*Google Form*) adalah **DIWAJIBKAN**. Dokumen maya sebutharga hanya diedar secara percuma melalui e-mel kepada syarikat yang layak dan mendaftar dengan lengkap sahaja. Syarikat perlu mencetak dan menjilidkan dokumen dengan sempurna.

3. Waktu urusan pejabat PERDA adalah seperti berikut:

HARI	WAKTU
Isnin hingga Khamis	8.00 pagi hingga 1.00 petang 2.00 petang hingga 5.00 petang
Jumaat	8.00 pagi hingga 12.15 tengahari 2.45 petang hingga 5.00 petang

di pejabat **Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), Bahagian Kewangan, Tingkat 5, No. 1, Lorong Kampung Gajah 2, Jalan Kampung Gajah, 12200 Butterworth, Pulau Pinang.**

5. Dokumen Tawaran (Sebutharga) yang sempurna hendaklah dihantar dan dimasukkan ke dalam peti tawaran sebelum atau pada **jam 12.00 tengah hari** pada **19 Mac 2025 (Rabu)** di alamat berikut:

**Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)
Bahagian Kewangan, Tingkat 5,
No. 1, Lorong Kampung Gajah 2, Jalan Kampung Gajah,
12200 Butterworth, Pulau Pinang**

Tawaran (Sebutharga) yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. PERDA tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak. PERDA juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan berhubung dengan tawaran ini.

6. Sebarang pertanyaan berhubung pelawaan sebutharga ini boleh menghubungi pegawai yang tertera :

Nama : Mohd Fauzi bin Che Embee
Emel : fauzi@perda.gov.my
No. Telefon : 013 – 584 1016 / 04 – 599 1136